



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN)**

Kementerian atau Jabatan:

**Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan
dan Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
P0001/25	Jenis Kenderaan: Motokar Buatan: Proton Model: Saga FL 1.3 CVT Tahun Dibuat: 2015	NDB 9751	1	5,000.00
P0002/25	Jenis Kenderaan: Lori Buatan: Isuzu Model: FSR33H Tahun Dibuat: 2002	WKH 2736	1	10,000.00

2. Aset boleh dilihat bermula pada **29 Julai 2025 hingga 12 Ogos 2025** di antara jam **10.00 pagi hingga 3.00 petang** seperti di keterangan berikut:-


Alamat Lokasi Aset
Stor Majlis Perbandaran Port Dickson, Batu 1, Jalan Seremban, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.



3. Kehadiran penyebut harga bagi melihat fizikal Pelupusan Aset Alih, perlu membuat temujanji terlebih dahulu dengan menghubungi Puan Noridayu binti Muhamad, Jabatan Kewangan di talian 06-6471122 sambungan 1203 jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.
4. Tawaran sebut harga dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) boleh diperolehi secara percuma di Jabatan Perolehan, MPPD dan juga boleh dimuat turun di PORTAL MPPD melalui laman sesawang www.mppd.gov.my . Tempoh sah laku tawaran adalah **90 hari** dari tarikh sebut harga ditutup.
5. Kakitangan Majlis Perbandaran Port Dickson tidak dibenarkan menyertai sebut harga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
6. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan **sampul surat saiz A4 berlakri beserta Deposit Sebut harga 5% daripada harga tawaran** dan di tanda No.Sebut harga P _ _ _ _ /25 dibahagian atas kanan sampul dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
KM 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
(u.p.: Jabatan Perolehan).**

7. Tarikh tutup sebut harga pada **12 Ogos 2025 (Selasa) jam 12:00 tengah hari**. Tawaran Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
8. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa ulasan di atas penolakan sesuatu sebut harga. **Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.**

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **MOHD AZIZUL HAKIM BIN ZAINI**

Jawatan : **SETIAUSAHA,
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Tarikh : **28/7/2025**



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. **Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Kiriman Wang atau Draf Bank sahaja atas nama YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON.**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan aset alih tersebut.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri. Penyebut harga yang berjaya hendaklah memberi bukti bergambar bahawa tindakan menanggalkan logo dan stiker MPPD atau seumpamanya telah diambil. Jika gagal, bayaran deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos, hendaklah memastikan tawaran tersebut diterima oleh MPPD sebelum tarikh dan waktu sebut harga ditutup.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset.
11. Pembeli yang berjaya hendaklah selesai membuat tukar hak milik di Jabatan Pengakutan Jalan (JPJ) dalam tempoh 7 hari dari tarikh mengambil aset. Jika gagal, MPPD berhak mengambil semula aset dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.